



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

PAWANG LEBAH: SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG TAPAK, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN

oleh

HASBULLAH BIN ZAKARIA

Latihan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi
sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)
pada sesi 1987/88.

Penyelia

21. 3. 1988

Tarikh

Ketua

Jabatan Persuratan Melayu

21. 3. 1988

Tarikh

**PAWANG LEBAH: SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG TAPAK, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN**

Oleh

HASBULLAH BIN ZAKARIA

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
1987/88**

PENGHARGAAN

Bi 's-mi 'Llāhi 'r-Rahmāni 'r-Rahīm

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah ini sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya kepada Dr. Amran Kasimin, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu kerana sudi menjadi penyelia kepada penulis sepanjang kajian ini dilakukan. Segala bimbingan, teguran dan tunjuk ajar dari beliau amatlah dihargai dan tidak akan saya lupakan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu yang telah bersusah payah menyumbangkan ilmu pengetahuan dan bimbingan sepanjang pengajian saya di sini. Rakaman terima kasih juga buat informan-informan yang sudi ditemubual dan melapangkan masa untuk tujuan kajian ini. Penghargaan ini juga saya sampaikan buat Kakak Hadidah yang telah sudi membantu saya menaipkan latihan ilmiah ini.

Doa restu dari ayahanda, bonda dan adik-adik menjadi pendorong utama kepada saya. Tidak lupa juga buat semua yang terlibat baik secara langsung ataupun tidak, terutama kepada rakan-rakan sekalian, saya hulurkan rasa keikhlasan dan terima kasih sekali lagi. Semoga jasa baik kalian akan mendapat ganjaran yang mulia dari Allah.

Mudah-mudahan penulisan ini dapat diabadikan demi untuk faedah bersama. Segala yang baik itu hanya milik Allah jua dan keburukan itu adalah kelemahan saya semata-mata.

Sekian. Wassalam.

HASBULLAH BIN ZAKARIA

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

SELANGOR DARUL EHSAN.

105A, Kampung Jerjak

Padang Lebar

72200 Batu Kikir

NEGERI SEMBILAN.

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini bertujuan untuk meneliti institusi pawang lebah di satu kawasan kajian yang telah dipilih. Kajian telah dilakukan terhadap peranan pawang lebah semasa mengambil madu. Di samping itu dimuatkan juga jampi yang digunakan semasa bekerja, gangguan-gangguan yang dialami serta beberapa pantang larang. Kajian mendapati pekerjaan mengambil madu lebah merupakan pekerjaan yang rumit dan merbahaya. Tanpa pawang lebah pekerjaan ini tidak mungkin dapat dilakukan dengan selamat. Hasil dari kajian ini membuktikan bahawa peranan pawang lebah kurang diperlukan buat masa ini kerana kurangnya keperluan masyarakat terhadap kepakaran pawang lebah itu sendiri. Langkah-langkah perlu diambil supaya institusi ini tidak hilang begitu sahaja.

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI FOTO	vi
SENARAI GAMBARAJAH	vii
SENARAI PETA	viii
 BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	6
1.2.1 Menghidupkan Kembali Warisan Budaya Melayu	6
1.2.2 Meneliti Peranan Pawang Lebah	6
1.2.3 Meneliti Peranan Jampi Mentera	7
1.2.4 Menurunkan Segala Bentuk Kegiatan Pawang Lebah Sebagai Bahan Bertulis	7
1.3 Skop Kajian	7
1.4 Metode Kajian	9
1.5 Masalah Kajian	10
1.5.1 Kekurangan Sumber Perpustakaan	10
1.5.2 Sikap Informan	11
1.5.3 Kesuntukan Masa	11
1.6 Kawasan Kajian	11
 BAB II : UNSUR-UNSUR UTAMA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU	
2.1 Pawang, Bomoh dan Dukun	18
2.2 Jampi Mentera dan Doa	20
2.3 Penciptaan Jampi Mentera dan Doa	22
2.4 Asal Usul Pawang Lebah	24
2.5 Kepercayaan Masyarakat Melayu Terhadap Pawang Lebah	26
2.6 Legenda Lebah	30
2.7 Khasiat Madu Lebah	31
2.8 Cara Mengenalpasti Ketulenan Madu Lebah	37

Halaman**BAB III : PAWANG LEBAH**

3.1	Latar Belakang Pawang Lebah Yang Ditemui	39
3.2	Cara Mengenalpasti Lebah	42
3.2.1	Jenis-jenis Lebah	42
3.2.2	Jenis-jenis Pokok Di Mana Lebah Membuat Sarang	43
3.2.3	Mengenalpasti Sarang Lebah	45
3.3	Masa Yang Sesuai Memungut Madu Lebah	48
3.4	Persediaan Sebelum Melakukan Pekerjaan	51
3.5	Cara Masuk Hutan	54
3.6	Peringkat dan Cara Pekerjaan	56

BAB IV : PENGGUNAAN JAMPI UNTUK MENGAMBIL MADU LEBAH

4.1	Jampi Yang Digunakan Pada Setiap Peringkat Pekerjaan	68
4.2	Analisa Jampi Yang Digunakan	81
4.3	Gangguan Ketika Menjalankan Tugas	86
4.4	Jampi Yang Dilagukan	91
4.5	Tujuan Jampi Dilagukan	92
4.6	Keberkesanan Penggunaan Jampi	94

BAB V : PENUTUP

5.1	Masa Depan Pawang Lebah	97
5.2	Kesimpulan	102

BIBLIOGRAFI	105
--------------------	-----

LAMPIRAN I	107
-------------------	-----

SENARAI FOTO

<u>FOTO</u>		<u>Halaman</u>
I	Encik Wahab bin Ma'akib seorang pawang lebah di kawasan kajian	40
II	Pokok pulai yang mempunyai 54 sarang lebah	45
III	Sarang lebah	47
IV	Sarang Lebah	47
V	Biji bunga kembang semangkuk sebelum kembang	49

SENARAI GAMBARAJAH

<u>GAMBARAJAH</u>	<u>Halaman</u>
I Bentuk ketajaman kayu pating	52
II Kayu siring	57
III Kayu pating yang telah dipasak	59

SENARAI PETA

<u>PETA</u>		<u>Halaman</u>
I	Semenanjung Malaysia dan Kedudukan Negeri Sembilan	13
II	Tujuh Daerah Di Negeri Sembilan Kawasan Kajian Terletak Di Daerah Kuala Pilah	14
III	Daerah Kuala Pilah Dengan II Mukim Kawasan Kajian Terletak Di Mukim Ulu Jempol	15
IV	Kedudukan Kawasan Kajian Kampung Tapak	16
V	Kampung Tapak Di Ulu Jempol	17

BAB IV

PENGUNAAN JAMPI UNTUK MENGAMBIL MADU LEBAH

PENGUNAAN JAMPI UNTUK MENGAMBIL MADU LEBAH

4.1 Jampi Yang Digunakan Pada Setiap Peringkat Pekerjaan

Pekerjaan mengambil madu lebah ini mempunyai beberapa peringkat yang mesti dilalui. Setiap peringkat pekerjaan mempunyai jampi menteranya yang tersendiri, yang biasanya dibaca atau disandoikan oleh pawang lebah sendiri, juga oleh anak-anak dayungnya. Jampi mentera yang diturunkan di bawah ini diperolehi dari seorang informan¹ di kawasan kajian.

Jampi Ketika Memating

Hoi yang bertiga badi somak,
Masuk berempat dengan aku,
Seorang melantak di kiri aku,
Seorang melantak di kanan aku,
Seorang melantak depan aku,
Seorang melantak di belakang aku.

Jampi mentera di atas disandoikan oleh pawang lebah ketika kerja melantak ataupun memukul pating ke batang pokok di mana terdapat sarang lebah. Selepas kerja memating selesai, pawang lebah akan membacakan jampi mentera untuk tujuan membela kayu pula. Bacaannya adalah seperti berikut:

¹ Kesemua jampi mentera ini diperolehi dari Encik Wahab bin Ma'akib semasa temubual dijalankan di rumah beliau pada 26 September 1987.

Jampi Membela Kayu

Assalamualaikum,
 Datuk nenek yang tua,
 Yang menunggu tanah air di sini,
 Aku minta mengambil belalang cilalat rimba.

Assalamualaikum,
 Datuk nenek yang tua,
 Yang diam di hulu,
 Yang diam di darat,
 Yang diam di baruh,
 Minta ampun beribu ampun,
 Minta maaf beribu maaf,
 Marilah kita bersama-sama,
 Bermain-main di istana yang tinggi,
 Balai yang panjang,
 Pangkat berpangkat,
 Ada sepangkat di hujung ranting.

Kempas gonggongan tinggan,
 Seri guri dari jauh,
 Jatuh ke laut bernama gomial batang senangi,
 Jatuh ke darat bernama sekengkeng murai
 Angkat sedikit bernama Bujang Awang Kemaling,
 Angkat sedikit bernama Awang Gemawang.

Harap embun menjadi padi,
 Dilantak, digugur,
 Baik hati diang darah,
 Tunduk tunang kepada aku,
 Akan menunduk awan di langit,
 Akan menunduk landan di langit,
 Tunduk ku pinta,
 Tunduk segala,
 Tunduk sekelian tunduk,
 Tunduk kelulut hutan mawang.

Setelah pawang lebah selesai membacakan jampi mentera di atas, pawang akan menyuruh anak-anak dayung supaya memanjat pokok tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan-halangan seperti terdapat semut, lipan atau cicak yang sedang memakan serangga lain pada batang pokok tersebut, maka pawang lebah terpaksa membela kayu tersebut sekali lagi dengan membaca jampi mentera yang sama. Semasa anak dayung memanjat, pawang lebah akan membacakan jampi menteranya seperti berikut:

Jampi Ketika Anak Dayung Memanjat

Mengkuang lebih ketupat,
Kain kesomba lewat-lewatkan,
Minta tabik kepada pawang berempat,
Anak dayung lupa tolong ingatkan.

Setelah anak dayung sampai di atas dahan yang menuju ke arah sarang lebah, mereka perlu memerhatikan keadaan persekitaran, sama ada keadaan pada malam itu benar-benar gelap atau terang akibat cahaya bulan atau bintang. Sekiranya keadaan terang, maka pawang akan membacakan jampi mentera supaya bulan dan bintang itu dilindungi awan. Jampinya adalah seperti berikut:

Jampi Untuk Menggelapkan Malam

Cincang-cincang cendawan,
Cincang mari ke buku buluh,
Saya berpesan kepada awan,
Bintang jangan diberi tumbuh.

Setelah keadaan menjadi gelap, mereka terpaksa menentukan sama ada terdapat angin bertiup ataupun tidak. Sekiranya angin tidak bertiup ketika itu, pawang terpaksa memanggil angin dengan jampi menteranya seperti berikut:

Jampi Memanggil Angin

Nandin si raja nandin,
Nandin datang dari seberang,
Bertiuplan si raja angin,
Pawang meninting si hampa layang.

Bila angin telah mula bertiup, maka anak dayung pun bersedia untuk memukul sarang lebah tersebut. Andang dinyalakan dan semasa hendak memukul andang api ke sarang lebah, anak dayung membaca jampi berikut:

Jampi Memukul Sarang Lebah

Pelanduk hoi di atas batu,
Makan mari buah sengkung,
Hitamlah manis hoi bukakan baju,
Pawang nak menengok panau berturang.

Si pepat si mayang nibung,
Anak galur, galur tebar,
Tak sempat hitam manis hoi nak tidur,
Kerana doa si paku loyang.

Setelah andang dipukulkan ke sarang lebah, bara api dari andang itu akan dibawa angin jatuh ke bawah. Lebah-lebah akan keluar dari sarang mengekori bara-bara api itu ke bawah. Semasa andang itu dipukulkan ke sarang lebah, pawang yang menunggu di bawah akan memanggil lebah tersebut supaya turun bersama-sama bara api tadi.

Jampi Memanggil Lebah Turun

Assalamualaikum,
Hoi Puteri Sidang Daud,
Orang cantik bukan kepalang,
Orang cantik bukan buatan,

Kening tinggi bentuk taji,
Pipi pauh dilayang,
Dada rantaan panau,
Hidung mancung lantak berbunga,
Betis bunting padi,

Burung induk hoi si burung tiung,
Hinggap ke bulan-bulanan,
Turun seorang hoi turun semua,
Turun jangan mengulang-ulang.

Hoi Puteri Sidang Daud,
 Jangan kau lengah,
 Singgah di dahan, jangan kau lengah,
 Singgah di ranting jangan kau lengah,
 Singgah di daun turun mengikut,
 Si bunga kembang,
 Bukanlah bunga sebarang bunga,
 Bunga kembang si anak dayung.

Setelah lebah habis keluar, barulah kerja-kerja mengumpulkan madu lebah dijalankan. Madu lebah akan diisikan di dalam bangku dan dihulurkan ke bawah. Sekiranya terdapat lebih daripada satu sarang lebah pada pokok tersebut, maka kaedah dan jampi mentera yang sama juga digunakan apabila hendak mengambil madu pada sarang-sarang yang lain. Setelah kerja menurunkan madu lebah selesai, maka anak dayung pun mencabut pating-pating pada batang pokok tersebut, yang dimulakan dengan pating yang di atas sekali. Jampi berikut dibaca ketika hendak mencabut pating:

Jampi Ketika Mencabut Pating

Berbuah paku yang di ladang,
 Rotan batu dibelah-belah,
 Bangkitlah hoi hantu sialang,
 Kotor batu sudah alah.

Selain daripada jampi mentera yang diperolehi daripada Encik Wahab bin Ma'akib di atas, terdapat juga jampi mentera yang diperolehi dari seorang lagi pawang lebah di kawasan kajian, iaitu Encik Yazid bin Othman. Menurut beliau, kebanyakan jampi mentera yang digunakan semasa mengambil madu lebah ini adalah sama. Namun demikian terdapat juga perbezaan-perbezaan seperti kata-kata yang digunakan di dalam jampi mentera tersebut dan juga dari segi panjang pendeknya jampi mentera yang digunakan itu. Jampi mentera yang diperolehi dari Encik Yazid bin Othman adalah seperti berikut:

Jampi Ketika Memating

Melikai dibelah empat,
Ketiga dengan isinya,
Naik mahligai tujuh tingkat,
Menengok syurga dengan isinya.

Jampi mentera ini juga boleh digunakan semasa anak dayung hendak memanjat pokok.

Setelah pating pada batang pokok siap, anak dayung ataupun pawang sendiri terpaksa membuat pating pada bahagian dahan pula di mana terdapat sarang lebah. Sekali lagi pawang akan menggunakan jampi setelah pating pada dahan itu siap.

Jampi Setelah Pating Dahan Siap

Lecup lecap jaring serawah,
Hendaklah sampai ke air hitam,
Bersiaplah hoi pawang di bawah,
Jalan dah sampai pada Cik Itam.

Jampi Ketika Anak Dayung Memanjat

Ayam hitam terbang ke hulu,
Hinggap mari dahan berangan,
Cik Itam diam dahulu,
Nanti pawang naik ke laman.

Cincang-cincang melikai,
Mari dicincang belah tujuh,
Mana jalan naik mahligai,
Ikut rambut pintu tujuh.

Jampi Semasa Di Atas Dahan Pokok

Petik-petik si bunga kangkung,
Dipetik di hujung kantan,
Mintalah tabik pada yang punya kampung,
Pawang bermain di atas dahan.

Janganlah dicincang nangkakan,
Cincang rebung berjelai-jelai,
Janganlah hoi barang sangkakan,
Pawang bergantung ke rambut sehelai.

Limau manis di permatang tebat,
Ambil kesomba lewat-lewatkan,
Ingatlah hoi pawang berempat,
Kalau lupa tolong ingatkan.

Jampi Semasa Meniti Dahan Menuju
Ke Sarang Lebah

Putik pauh dari permatang,
Limau manis taruk muda,
Dari jauh pawang datang,
Kerana hitam manis baik budi,
Teguh tegah sanding dahan,
Orang Kelang menjaga kapas,
Teguh-teguhkanlah dahan,
Berat pawang sekati kapas.

Asap api gantau gemantau,
Asap api orang di ladang,
Minta tabik yang punya teluk dan rantau,
Bela pelihara si anak dagang.

Kepung narik dendan,
Mari ditarik dendan betina,
Kepunglah pawang oleh segala dahan,
Pawang diam dilantar China.

Jampi Untuk Menggelapkan Malam

Cincang-cincang cendawan,
Cincang mari ke buku buluh,
Saya berpesan kepada awan,
Bintang jangan diberi tumbuh.

Jampi Memanggil Angin

Nandin hoi si raja nandin,
Nandin bersarang di hujung sarang,
Tiuplah angin hoi si raja angin,
Pawang nak meninting si bunga kembang.

Setelah angin bertiup dan andang dinyalakan, lebah dipuji terlebih dahulu sebelum andang tadi dipukul pada sarang lebah.

Jampi Memuji Lebah

Sekali ini berpadi kita,
Batang keduduk anting gemanting,
Sekali ini bermain kita,
Si hitam duduk bersanding damping.

Jampi Ketika Memukul Lebah

Petai dua padang,
Sepadang makanan tanau,
Si hitam hoi berbaju kurung,
Tengok di dalam berpanau.

Anak balam anak belatuk,
Ketiga anak beruang,
Sembah salam kepada datuk,
Pawang nak menengok panau bertarung.

Jampi Memanggil Lebah Turun

Hoi Puteri Sidang Dayu,
Jangan kau lengah memanjang batang,
Hoi Puteri Sidang Dayu,
Jangan kau lengah memanjang dahan,
Hoi Puteri Sidang Dayu,
Jangan kau lengah memanjang ranting,
Hoi Puteri Sidang Dayu,
Jangan kau lengah memanjang daun,
Turun mengikut si bunga kembang.

Jampi Ketika Menurunkan Madu Lebah²

Tupai belak tupai belalang,
Belang sampai ke jangkil kakinya
Selamatlah hoi anjing menyeberang,
Anjing sarat dengan isinya.

Kebanyakan jampi mentera yang diperolehi dari Encik Yazid bin Othman agak berlainan sedikit dari jampi mentera yang diberikan oleh Encik Wahab bin Ma'akib. Kelainan ini adalah disebabkan terdapatnya tambahan kata-kata di samping kekurangan sebutan tertentu di dalam jampi mentera masing-masing. Satu lagi faktor yang menyebabkan kelainan ini ialah terdapat informan yang telah lupa jampi mentera untuk peringkat yang tertentu, sebaliknya jampi mentera ini diingati oleh informan yang lain. Itulah sebabnya di dalam pengumpulan jampi mentera di atas, terdapat jampi mentera yang digunakan oleh Encik Yazid bin Othman tetapi tidak terdapat di dalam jampi mentera yang diperolehi dari Encik Wahab bin Ma'akib. Ini disebabkan Encik Wahab bin Ma'akib telah lupa bacaan jampi-jampi mentera tertentu kerana telah lama meninggalkan pekerjaan ini. Perkara yang sama dihadapi oleh informan³ yang lain yang telah lupa jampi mentera yang digunakan untuk setiap pekerjaan. Berikut ialah sebahagian dari jampi mentera yang diperolehi dari Encik Yahya bin Long:

² Selain daripada menurunkan madu lebah, terdapat satu lagi sebutan yang membawa maksud yang sama iaitu mengumbai nisan. Nisan adalah singkatan dari perkataan manisan. Di kawasan kajian pawang biasanya menggunakan sebutan mengumbai nisan.

³ Temubual dengan Encik Yahya bin Long di rumah beliau di Kampung Tanjung Limau Purut, Terachi pada 11 November 1987. Beliau juga menghadapi masalah untuk mengingati kesemua jampi mentera yang digunakannya. Jampi mentera yang dikumpulkan di atas hanyalah sebahagian jampi mentera yang masih dapat diingati olehnya.

Jampi Ketika Memating

Minta tabik hoi,
Yang diam di pangkal kayu,
Yang diam di tengah kayu,
Yang diam di pucuk kayu,
Marilah kita bermain bersama.

Jampi Ketika Anak Dayung Memanjat

Pating hoi si kepala merah,
Mari disembah hoi Si raja Ali,
Orang bergantung hoi kepada Allah,
Kami bertongkat hoi kepada Nabi.

Hilir mudik hoi ke dusun tua,
Hendak memungut hoi si buah payung,
Minta tabik hoi pawang yang tua,
Minta pelihara hoi si anak dayung.

Jampi Untuk Menggelapkan Malam

Cincang hoi cincang cendawan,
Cincang mari si buku buluh,
Minta ampun hoi kepada awan,
Bintang sebiji hoi jangan beri tumbuh.

Jampi Memanggil Angin

Nandin hoi burung si nandin,
Buat sarang hoi si hujung sarang,
Bertiup angin hoi si raja angin,
Pawang membuang hoi si hampa layang.

Jampi Di Sempadan Hutan Dan Kampung

Wahai yang bernama diri geliga Allah,
Timbulkan sifat Allah,
Kurniakan sifat Nur Muhammad,
Berkat La ilāha illa 'Llāh Muhammadu
'r-Rasūlu 'Llāh.

Jampi mentera di sempadan antara hutan dan kampung di atas dibaca oleh pawang ketika mereka hendak pulang setelah pekerjaan mereka selesai. Apabila tiba di sempadan antara kawasan hutan dan kampung, maka pawang akan membacakan jampi tersebut. Tujuannya ialah supaya hantu lebah dan penunggu-penunggu lain tidak dapat mengekori mereka melepasi garisan sempadan.

Jampi mentera yang disandoikan ketika mengambil madu lebah ini juga telah menarik perhatian seorang pengkaji barat⁴ yang telah mengambil usaha untuk mengumpulkannya. Berikut adalah jampi mentera yang telah berjaya dikumpulkannya:

Jampi Memberi Hormat Kepada Lebah

Rundok-rundok paku di ladang,
Bemban muda di bawah batang,
Tunduk-tunduk Bujang Sialang,
Pawang muda baharu datang.

Batang pa'uh dari permatang,
Mari dibuat papan kemudi,
Dari jauh pawang datang,
Mendengar sahabat yang baik budi.

Jampi Memberi Hormat Kepada Kayu

Assalamualaikum
Batang bernama Raja Berdiri,
Urat bernama Raja Bersila,
Dahan bernama Sawa Melampai,
Rantai bernama Si Ular Lidi,
Daun bernama Si Layang-layang,
Pucuk bernama Puteri Meninjau.

⁴ Lihat O.T. Dussek, "BERSANDUI: Verses Recited by Collectors of Honey in Rembau," di dalam Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society. (Vol. VI, pt. IV, 1928), hlm. 56-57.

Jampi Ketika Memukul Pating

Memukul pating berlima-lima,
Anak memukul kayu sialang,
Pinggang ramping si cekak bunga,
Pipi halus pauh dilayang.

Jampi Ketika Membawa Api Iaitu Tunam⁵

Patung kepalanya merah,
Mari dicemuk dengan hujung lidi,
Pawang bergantung kepada Allah,
Pawang bertongkat kepada Nabi.

Cincang, cincang nangkakan,
Cincang mari dari menyalai,
Jangan pawang barang rasakan,
Pawang bergantung di rambut sehelai.

Cincang, cincang cendawan,
Cincang mari bersuta-suta,
Sahaya berpesan kepada awan,
Rambut sehelai dibelah tiga.

Jampi Untuk Menggelapkan Malam

Cincang cincang cendawan,
Cincang mari di buku buluh,
Sahaya berpesan kepada awan,
Bintang jangan diberi tumbuh.

Jampi Ketika Membakar Tunam

Nandin burung Si Nandin,
Nandin bersarang di hujung karang,
Turunkan apalah Si Raja Angin,
Pawang membawa Si Hampa Layang.

⁵ Tunam di sini bermaksud andang api yang digunakan untuk memukul sarang lebah.

Anak ungka terdayu-dayu,
 Ia menghisap bunga sengkung,
 Hitam manis bukakan baju,
 Hendak menengok panau berturang.

Jampi Ketika Memotong Sarang

Kain kecil panjang sembilan,
 Cukup sepuluh dengan rambutnya,
 Bujang kecil tidur bertilam,
 Tinggal peluh dengan baunya.

Jampi Ketika Menghulur Sarang Turun Ke Tanah

Ayun tajak buaikan tajak,
 Tajak datang dari Jawa,
 Ayun anak buaikan anak,
 Anak bertimbang dengan nyawa.

Bunga sena kembang sejempit,
 Siapa cakap akan mengarangnya?
 Tuan punya datang menjemput,
 Siapa cakap akan melarangnya?

Jampi Ketika Pawang Turun

Keduduk di balik rumah,
 Uratnya hingga melantas tiang,
 Duduklah yang empunya rumah,
 Pawang bermohon berjalan pulang.

Hendak dulang diberi dulang,
 Dulang berisi sarung badik,
 Pawang bermohon berjalan pulang,
 Adalah musim pawang berbalik.

Kebanyakan jampi mentera yang digunakan semasa melakukan pekerjaan boleh digunakan berulang kali. Terdapat jampi yang tertentu yang boleh digunakan tidak setakat untuk satu peringkat pekerjaan sahaja, malah jampi yang sama boleh digunakan pada peringkat pekerjaan yang lain. Sebagai contohnya jampi yang digunakan

semasa memating boleh digunakan semasa anak dayung memanjat ataupun semasa hendak memukul sarang lebah.

4.2 Analisa Jampi Yang Digunakan

Setiap jampi mentera yang digunakan sama ada oleh pawang ataupun bomoh mempunyai keistimewaan yang tersendiri, baik dari segi bentuknya, penggunaan kata-kata juga maksud yang wujud di sebaliknya. Begitu juga dengan jampi yang digunakan oleh pawang lebah semasa melakukan pekerjaan. Jampi mentera yang diperolehi dari pawang lebah dalam kajian ini dan sebahagiannya diperturunkan di sini adalah jampi mentera yang mereka pelajari dan dituntut semasa mereka berguru dahulu. Walau bagaimanapun tidak diketahui bagaimanakah jampi-jampi tersebut dicipta dengan sebegitu indah dan menarik.

Kebanyakan jampi yang diperolehi dari pawang-pawang lebah ini berbentuk seperti pantun. Sebagai contohnya di bawah ini diperturunkan dua buah jampi yang digunakan oleh pawang lebah.

Jampi Ketika Anak Dayung Memanjat

Mengkuang lebih ketupat,
Kain kesomba lewat-lewatkan,
Minta tabik kepada pawang berempat,
Anak dayung lupa tolong ingatkan.

Jampi Ketika Memukul Sarang Lebah

Pelanduk hoi di atas batu,
Makan mari buah sengkuang,
Hitamlah manis hoi bukakan baju,
Pawang nak menengok panau berturang.

Dari dua buah jampi di atas jelas menunjukkan ianya berbentuk pantun. Malah boleh dikatakan bahawa pantun digunakan bagi mencipta jampi ini. Pada keseluruhannya, dua buah jampi di atas memperlihatkan kewujudan perhubungan (persamaan) sukukata dan iramanya. Sebagai contoh di dalam jampi yang pertama di atas, baris pertama diakhiri dengan huruf 't' dan ini bersamaan dengan baris yang ketiga. Persamaan bunyi di akhir baris ini jelas merupakan salah satu ciri pantun. Penggunaan sukukata dan irama yang sama ini adalah atas kesedaran untuk melahirkan bunyi yang lembut, indah dan menarik.

Penggunaan bahasa dan bunyi yang lembut dan indah ini bukan sahaja menarik perhatian orang yang mendengarnya, malah yang lebih penting sekali ialah ia boleh digunakan untuk memujuk dan meminta pertolongan dari penunggu-penunggu. Menurut informan,⁶ penunggu-penunggu ini adalah makhluk yang mempunyai sifat yang lurus. Mereka akan terpengaruh dan mengikut kata-kata yang diucapkan oleh pawang melalui jampi menteranya. Itulah sebabnya mengapa usaha untuk meminta izin dari penunggu-penunggu ini perlu menggunakan bahasa yang lembut dan indah.

Selain dari berbentuk pantun, kebanyakan jampi yang digunakan oleh pawang lebah ini juga mengandungi simbolik atau perlambangan. Unsur-unsur perlambangan ini digunakan kerana dalam menyampaikan sesuatu hajat melalui jampi, pawang tidak boleh menyampaikannya secara terus terang. Amalan ini tidak ubahnya seperti seorang jejaka yang

⁶ Temubual dengan Encik Wahab bin Ma'akib di rumah beliau di Kampung Tapak pada 26 September 1987.

hendak meminang seorang gadis di mana hajatnya itu tidak disampaikan secara terus terang. Wakil pihak lelaki akan menggunakan pantun yang penuh dengan kiasan dan perlambangan. Dalam pekerjaan mengambil madu lebah sekiranya pawang menyampaikan tujuannya secara terang-terang, kemungkinan sekali hajat mereka itu tidak akan tercapai.

Ketika hendak memukul sarang lebah umpamanya, banyak unsur perlambangan yang digunakan di dalam jampi tersebut.

"... hitamlah manis hoi bukakan baju,
Pawang nak menengok panau berturang."

Perkataan 'hitam manis' di atas adalah lambang kepada lebah. 'Hitam manis' adalah imej kejelitaan yang ditimbulkan di dalam pengucapan jampi ini. Ini adalah kerana lebah tersebut dipercayai berasal dari seorang puteri yang jelita dan ia perlu dipuji supaya ia tidak mengganggu pekerjaan. Perkataan 'bukakan baju' di dalam baris yang sama bermaksud sarang lebah itu sendiri yang perlu dipotong bahagian kepalanya sebelum isinya diambil. 'Panau berturang' di dalam baris yang berikutnya pula adalah lambang kepada isi sarang itu sendiri ataupun madu lebah. Menurut Encik Wahab Ma'akib, madu lebah dilambangkan sebagai panau kerana kebiasaannya orang yang berpanau dibadannya akan merasa malu untuk mendedahkan badannya. Begitu juga dengan lebah yang merasa malu dan marah jika ada orang yang melihat madunya. Itulah sebabnya lebah perlu dipujuk terlebih dahulu supaya ia tidak merasa malu dan marah.

Selain daripada sebutan 'hitam manis' ataupun, 'Cik hitam', sebutan 'belalang cilalat rimba' dan 'Puteri Sidang Dayu' juga

digunakan sebagai melambangkan lebah. Satu lagi unsur perlambangan dapat dilihat di dalam jampi ketika memukul pating di bawah:

Melikai dibelah empat,
Ketiga dengan isinya,
Naik mahligai tujuh tingkat,
Menengok syurga dengan isinya.

'Maghligai tujuh tingkat' adalah lambang kepada pokok yang dipanjat. Ia disebut demikian kerana pokok yang dipanjat biasanya besar dan tinggi dan ketinggiannya itu dilambangkan seperti mahligai tujuh tingkat. Angka tujuh digunakan kerana di dalam ilmu pawang lebah hanya angka ganjil sahaja yang digunakan. Sementara baris yang berikutnya pula bermaksud pawang hendak melihat sarang lebah dengan madunya.

Satu perkara yang luarbiasa di dalam pekerjaan ini dapat dilihat ketika anak dayung ataupun pawang meniti dahan menuju ke sarang lebah. Kadangkala dahan tersebut kecil dan tidak mampu untuk menampung berat badan orang yang menitinya. Namun demikian, jampi yang digunakan oleh pawang mempunyai kelebihannya yang tersendiri.

Teguh tegak sanding dahan,
Orang Kelang menjaga kapas,
Teguh-teguhkanlah dahan,
Berat pawang sekati kapas.

Jampi ini mempunyai lambang yang jelas. Makrifatnya apabila disandoikan ialah supaya dahan menjadi kuat dan badan pawang akan menjadi ringan seperti kapas. Ini membolehkan pawang atau anak dayung meniti dahan dengan mudah.

Untuk perlambangan seterusnya dapat dilihat ketika pawang memanggil lebah turun setelah andang dipukul. Bara-bara api yang keluar dari andang itu dilambangkan sebagai bunga yang sedang berkembang. Ini adalah kerana lebah yang dipercayai berasal dari seorang puteri itu sukakan benda-benda yang cantik seperti bunga umpamanya. Kerana itulah lebah-lebah yang mengekori bara-bara api yang bertaburan itu seumpama puteri yang ingin mendapatkan bunga yang sedang berkembang.

Unsur-unsur perlambangan yang disentuh di atas adalah disebahagian kecil sahaja yang dapat diambil sebagai contoh. Masih banyak lagi jampi pawang lebah yang mengandungi perlambangan, menjadikan jampi-jampi tersebut begitu menarik terutamanya ketika disandoikan. Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa perlambagaan di sini adalah semacam bayangan kepada maksud yang ingin disampaikan dalam sesebuah jampi. Umpamanya jika maksud untuk 'kekuatan' maka perlambangan yang digunakan adalah terdiri dari pilihan perkataan yang bersemangat, manakala maksud untuk 'kecantikan' pula, perlambangannya haruslah terdiri dari penggunaan perkataan-perkataan yang lembut.⁷

Apa yang menarik di dalam jampi yang digunakan oleh pawang lebah ini ialah sebutan nama Allah dan Nabi Muhammad. Contohnya dapat dilihat di dalam jampi ketika mereka berada di antara sempadan hutan dan kampung.

⁷ Zainal Abdullah Mk. Othman, "Bahasa Dalam Jampi Dan Sastera Melayu," Dewan Bahasa, (Ogos 1975), hlm. 540.

Wahai yang bernama diri geliga Allah,
 Timbulkan sifat Allah,
 Kurniakan sifat Nur Muhammad,
 Berkat Lā ilāha illa 'Llāh Muḥammadu
'r-Rasūlu 'Llāh.

Ini menunjukkan bahawa walaupun di dalam jampi sebelumnya ada menyebut tentang penunggu-penunggu dan makhluk halus, namun demikian pencipta jampi dan mentera ini tetap mengakui tentang adanya kuasa yang lebih besar lagi iaitu Allah dan tiada siapa yang dapat mengatasiNya. Dari Allah manusia memohon pertolongan di dalam apa bidang sekalipun.

4.3 Gangguan Ketika Menjalankan Tugas

Menurut informan,⁸ terdapat beberapa gangguan yang dihadapi oleh pawang lebah dan anak-anak dayung semasa mereka menjalankan tugas. Walau bagaimanapun gangguan-gangguan ini tidaklah terjadi pada setiap kali mereka menjalankan kerja. Gangguan ini hanya berlaku sekali sekala sahaja.

Gangguan yang mungkin dihadapi ialah gangguan dari penunggu-penunggu pokok itu sendiri. Menurut informan,⁹ pada pokok yang hendak dipanjat itu terdapat tiga jenis penunggu. Penunggu-penunggu tersebut yang pertama dinamakan bandan lumpuh yang menunggu pada bahagian pangkal pokok. Kedua, pontianak yang menunggu pada bahagian tengah

⁸ Temubual dengan Encik Yazid bin Othman di rumah beliau di Kampung Chemomoi pada 23 Januari, 1988.

⁹ Temubual dengan Encik Yahya bin Long di rumah beliau di Kampung Tg. Limau Purut pada 11 November 1987.

pokok dan yang ketiga ialah hantu tinggi yang menjaga bahagian pucuk pokok. Itulah sebabnya sebelum memukul pating, pawang mesti meminta izin dari penunggu-penunggu ini. Ini adalah kerana penunggu-penunggu itu mempunyai tugas untuk mengawasi tempatnya dari dicerobohi. Sekiranya penunggu-penunggu ini tidak diberitahu terlebih dahulu, kemungkinan besar anak-anak dayung dan pawang akan diganggu oleh penunggu-penunggu yang berkenaan.

Keadaan angin yang bertiup tidak tentu hala juga merupakan gangguan kepada mereka yang menjalankan pekerjaan. Sebelum memukul andang api ke sarang lebah, anak dayung mestilah memastikan arah angin yang bertiup ketika itu. Sekiranya angin bertiup ke arah batang pokok yang dipanjat, anak dayung tidak boleh memukul andang api. Ini adalah kerana jika andang itu dipukul, bara-bara api yang berterbangan itu akan dibawa angin ke arah batang pokok. Lebah-lebah yang mengekori bara-bara api tadi akan melekat pada batang pokok. Ini akan membahayakan anak dayung terutamanya ketika hendak turun kelak. Anak dayung mungkin akan disengat oleh lebah yang begitu banyak melekat pada batang pokok. Oleh itu anak dayung mestilah menunggu sehingga arah angin itu tidak bertentangan dengan batang pokok yang dipanjat.

Jika angin bertiup dengan baik, bara-bara api akan jatuh terus ke tanah atau di semak belukar yang berhampiran. Lebah-lebah akan mengikut ke mana sahaja arah bara-bara api itu berguguran. Sekiranya bara-bara api itu sampai ke tanah atau di atas daun, lebah-lebah itu akan melekat di tempat-tempat tersebut dan tidak akan terbang semula ke atas sehinggalah keesokan harinya.

Apabila anak dayung sampai ke sarang lebah, mereka perlu memerhatikan keadaan sarang itu terlebih dahulu. Pada masa inilah kadangkala anak dayung itu diganggu oleh hantu lebah. Kadangkala lebah yang terdapat pada sarang itu akan membesar dan kemudiannya mengecil. Begitulah keadaannya buat beberapa ketika. Keadaan ini adalah merupakan satu ujian sama ada anak dayung itu seorang yang sabar dan berani ataupun sebaliknya. Jika keadaan seperti ini terjadi, lebah tersebut perlu dipuji terlebih dahulu sebelum sarang lebah itu boleh dipukul.

Gangguan yang biasa dialami ialah apabila anak-anak dayung disengat oleh lebah. Walaupun menggunakan pawang mereka kadangkala terkena sengat lebah juga. Namun begitu jumlah lebah yang menyerang biasanya tidak banyak dan sakitnya tidak bersangatan. Ini adalah kerana mereka menggunakan pawang lebah. Sekiranya lebah yang menyerang agak banyak, mangsanya akan merasa sejuk seluruh badan. Untuk mengurangkan rasa sejuk ini, pawang akan menyapukan air sirih yang telah ditawarkan ke badan mangsa tadi. Menurut informan¹⁰ lagi, untuk mengelakkan daripada disengat, anak dayung hendaklah menyapukan madu lebah ke seluruh badannya. Untuk tujuan ini anak dayung terpaksa turun sebentar. Dengan cara ini lebah tidak akan menyengatnya. Jika tidak menggunakan pawang, mangsa yang disengat akan merasa panas seluruh tubuhnya dan sekiranya bisa lebah itu tidak ditawarkan kecelakaan ini mungkin boleh membawa maut.

¹⁰ Temubual dengan Encik Wahab bin Ma'akib di rumah beliau di Kampung Tapak pada 26 September 1987.

Satu lagi gangguan yang mungkin terjadi ialah gangguan dari hantu lebah. Gangguan seperti ini hanya terjadi sekali sekala sahaja. Hantu lebah ini kadang-kadang menjelma menjadi binatang tertentu untuk mengganggu anak dayung yang sedang meniti dahan menuju ke sarang lebah. Kadangkala hantu lebah ini akan menukar rupanya sebagai monyet yang besar dan muncul secara tiba-tiba di hadapan anak dayung tadi. Pada masa ini, apa sahaja yang ada pada tangan anak dayung seperti andang ataupun kayu pating hendaklah digunakan untuk memukul lembaga itu. Orang yang berada di bawah tidak akan mendengar bunyi apa pun biarpun lembaga tersebut kelihatan jatuh. Hanya anak dayung yang di atas sahaja yang akan mendengar bunyi lembaga itu jatuh.

Hantu lebah menggunakan berbagai cara untuk mengganggu anak dayung. Kadangkala anak dayung merasakan pokok yang dipanjatnya itu rendah sahaja, pada hal pokok yang sebenar adalah tinggi. Hantu lebah akan cuba mengabui penglihatan anak dayung. Sekiranya anak dayung tidak sabar ia akan terjun ke bawah kerana pada sangkaannya pokok itu rendah sahaja. Ini boleh menyebabkan kematian. Ada kalanya sebelum anak dayung memukul sarang, ia akan melihat cahaya berkelipan pada sarang lebah buat beberapa ketika. Cahaya ini adalah akibat perbuatan hantu lebah. Kadangkala semasa anak dayung hendak turun, kayu pating yang dipijaknya dirasakan seakan-akan tertanggal, atau pokok yang dipanjat itu seakan-akan hendak tumbang. Keadaan yang sebenarnya tidak begitu. Ini adalah kerana hantu lebah itu telah mempermain-mainkan perasaan anak dayung dan sekiranya mereka tidak berwaspada ia boleh menyebabkan kemalangan.

Orang yang menunggu di bawah pokok juga tidak terlepas daripada gangguan. Kadangkala mereka akan mendengar bunyi tapak kaki berhampiran dengannya, bunyi binatang-binatang buas dan sebagainya walaupun ianya tidak kelihatan. Ada juga kedengaran bunyi orang menghirup madu lebah yang telah diturunkan tetapi mereka tidak dapat melihatnya. Apabila mendengar bunyi-bunyi seperti ini, mereka hendaklah mendiamkan diri dan janganlah menegur bunyi-bunyi itu. Bagi orang yang tidak berani mereka mungkin akan terasa takut apabila mendengar bunyi seperti ini.

Terdapat juga kejadian di mana pawang dan anak dayung diserang lebah semasa mereka memukul pating pada batang pokok. Kadangkala ketika baru sahaja memating, mereka telah diserang oleh lebah yang begitu banyak. Kejadian ini berlaku kerana sarang lebah yang terdapat pada pokok tersebut telah diserang oleh burung helang ataupun beruang sebelumnya. Burung helang dan beruang merupakan musuh utama lebah. Kedua-dua musuh ini akan memakan anak-anak lebah dengan banyaknya. Jika sarang itu telah diganggu oleh musuh-musuh ini sebelumnya, pawang lebah tidak akan dapat mengambil madu lebah pada sarang tersebut. Seorang informan¹¹ pernah mengalami peristiwa di mana dia tidak dapat mengambil madu pada sarang yang telah diserang burung helang sebelumnya walaupun mereka yang membantunya ketika itu terdiri dari pawang-pawang lebah belaka. Mereka telah diserang lebah ketika hendak memukul pating lagi dan akhirnya terpaksa pulang dengan tangan kosong.

¹¹ Cerita ini telah diberitahu oleh Encik Wahab bin Ma'akib semasa ditemubual di rumah beliau di Kampung Tapak pada 27 September 1987.

Walaupun gangguan-gangguan tersebut hanya terjadi sekali sekala sahaja, namun ia boleh menyebabkan kemalangan yang boleh menyebabkan kematian sekiranya tidak berhati-hati. Itulah sebabnya pawang lebah diperlukan supaya pekerjaan dapat dilakukan dengan selamat. Orang yang memanjat pokok pula mestilah seorang yang berani, yakin dan sabar menghadapi segala gangguan yang berlaku.

4.4. Jampi Yang Dilagukan

Jampi yang digunakan semasa mengambil madu lebah ini biasanya akan dilagukan atau disandoikan oleh pawang lebah. Anak dayung juga berkebolehan untuk menyampaikan sandoi ini. Dari permulaan hinggalah ke akhir pekerjaan, jampi mentera akan disandoikan.

Menurut informan,¹² terdapat dua jenis sandoi yang digunakan oleh pawang lebah di kawasan kajian dan juga kawasan yang berhampiran. Di Kampung Tapak, sandoi yang digunakan adalah sandoi panjang, iaitu jampi mentera akan dilagukan atau disandoikan dengan nada atau irama yang panjang. Sebutan di dalam jampi tersebut pendek sahaja tetapi pawang lebah akan melagukannya dengan nada dan irama yang panjang. Jampi mentera yang disandoikan seperti ini lebih merdu apabila didengar.

Satu lagi jenis sandoi ialah sandoi pendek atau disebut juga oleh informan sebagai sandoi rontong. Jampi mentera yang disandoikan seperti ini biasa digunakan oleh pawang lebah di kawasan Juasseh yang

¹² Temubual dengan Encik Wabah bin Ma'akib di rumah beliau di Kampung Tapak pada 26 September 1987.

terletak kira-kira 10 batu dari Kuala Pilah. Jampi yang digunakan adalah sama tetapi irama dan nadanya sahaja yang agak berlainan iaitu irama pendek. Sandoi jenis ini tidak begitu merdu jika dibandingkan dengan sandoi panjang. Walau bagaimanapun menurut seorang informan¹³ lain, sandoi atau lagu yang digunakan adalah sama sahaja di semua tempat di Negeri Sembilan ini.

4.5 Tujuan Jampi Dilagukan

Terdapat beberapa tujuan mengapa jampi yang digunakan ini dilagukan atau disandoikan. Tujuan yang pertama ialah untuk memujuk lebah supaya mengizinkan pawang dan anak-anak buahnya mengambil madu. Sekiranya jampi mentera itu dibaca begitu sahaja tanpa disandoikan, ia mungkin tidak memberi kesan dan menjadikan tujuan meminta itu tidak terlaksana. Ini adalah kerana lebah tersebut dipercayai berasal dari seorang puteri dan ia mestilah dipujuk secara lembut. Oleh itu jampi mentera perlu dilagukan atau disandoi supaya ia menjadi lebih merdu. Melalui cara inilah lebah tersebut dapat dipujuk kerana kaum perempuan biasanya menyukai sesuatu yang merdu. Ini ditambah lagi dengan kalimah-kalimah pujian terhadap kecantikan lebah tersebut dalam jampi mentera tadi.

Tujuan yang kedua ialah untuk mengajak penunggu-penunggu pokok dan kawasan sekitarnya 'bermain' bersama-sama pawang dan anak-anak buahnya. Apabila jampi dilagukan atau disandoikan, penunggu-penunggu

¹³ Temubual dengan Encik Yazid bin Othman di rumah beliau di Kampung Chemomoi pada 23 Januari 1988.

tersebut merasakan diri mereka dihormati, menyebabkan mereka tidak merasa bahawa tempat mereka itu dicerobohi atau diri mereka diketepikan apabila diseru oleh pawang lebah. Dengan itu pawang boleh meneruskan pekerjaannya tanpa gangguan.

Tujuan lain adalah untuk mengingatkan anak dayung yang sedang memanjat itu supaya lebih berwaspada. Selain daripada mengingatkan anak dayung, sandoi ini juga dapat mengingatkan pawang ghaib yang bertiga supaya membantu anak dayung di atas. Pawang yang bertiga ini sebenarnya tidak boleh dilihat. Setiap kali hendak memulakan kerja, pawang yang sebenar akan menyeru pawang bertiga supaya mengingatkan anak dayung agar mereka sentiasa berwaspada. Oleh sebab itulah di dalam jampi terdapat sebutan atau seruan 'yang bertiga badi somak, masuk berempat dengan aku.'

Tujuan terakhir jampi-jampi ini disandoikan adalah semata-mata untuk hiburan orang yang datang melihat pekerjaan ini juga untuk mereka yang bekerja. Jampi yang disandoikan itu begitu merdu. Seseorang itu boleh terhibur dan sedikit sebanyak dapat mengelakkan diri daripada perasaan takut ketika berada dalam hutan yang begitu sunyi. Kadangkala seseorang itu boleh mendengar bunyi sandoi sayup-sayup dari jauh. Mengikut Encik Wahab bin Ma'akib, bunyi sandoi itu begitu mengasyikkan jika didengar pada waktu jauh malam.

4.5 Keberkesanan Penggunaan Jampi

Jampi yang digunakan oleh pawang lebah merupakan salah satu unsur pembantu dalam menjamin pekerjaan ini dapat dilakukan dengan selamat. Sekiranya jampi tidak digunakan, besar kemungkinan mereka yang terlibat akan menerima berbagai gangguan yang boleh mengakibatkan kemalangan. Menurut informan di kawasan kajian, jika seseorang yang belum pernah melihat pekerjaan ini melihatnya buat pertama kali dia tentu akan terpegun apabila menyaksikan perkara-perkara yang luar biasa jika difikirkan secara rasional.

Perkara-perkara luar biasa ini mungkin tidak akan berlaku dan tidak dapat dilihat tanpa melalui berbagai peraturan, pantang larang juga penggunaan jampi mentera, yang kesemuanya dengan keizinan Allah jua. Apabila jampi disandoikan, pawang dan anak dayung dapat bekerja dengan sempurna, kadangkala orang yang melihat tidak mempercayai apa yang mereka saksikan.

Keberkesanan penggunaan jampi ini dapat dilihat sejak pekerjaan itu dimulakan lagi, iaitu ketika kerja memukul pating dilakukan. Kayu pating yang diperbuat daripada buluh aur itu tidak boleh dipukul begitu sahaja ke batang pokok. Terdapat cara-cara memukul yang tertentu. Apabila hendak memukul kayu pating, pawang akan menyandoikan jampi menteranya. Hanya sedikit sahaja bahagian pating yang tajam itu masuk ke dalam batang pokok tersebut. Kadangkala biarpun tidak sampai satu inci, tetapi kayu pating ini sangat tahan untuk menampung seorang lelaki ketika memanjat. Adalah diyakini bahawa apabila jampi disandoikan, kayu pating yang dipukul

itu akan menembusi batang pokok. Itulah sebabnya kayu pating itu tahan ketika dipijak. Ini menunjukkan berkesannya jampi yang digunakan itu.

Keberkesanan jampi ini seterusnya dapat dilihat ketika keadaan pada malam itu terang disebabkan cahaya bulan dan bintang. Tidak lama setelah jampinya disandoikan, bulan dan bintang akan dilindungi awan dan sekitar pokok akan menjadi gelap gelita. Ini adalah merupakan satu perkara yang agak luar biasa yang memperlihatkan keberkesanan jampi mentera yang digunakan.

Semasa hendak memukul andang ke sarang lebah, anak dayung terpaksa menunggu tiupan angin. Sekiranya angin tidak bertiup malam itu, pawang lebah akan menyandoikan jampi mentera memanggil angin. Sebaik sahaja pawang selesai membaca jampi, angin pun mulai bertiup. Setelah menunggu beberapa ketika, barulah andang tadi dipukul ke sarang lebah dan bara-bara api yang keluar itu akan dibawa angin berguguran ke bawah. Menurut cerita isteri seorang informan,¹⁴ beliau sendiri merasa takut apabila mendengar bunyi angin menderu sebaik sahaja pawang lebah selesai membaca jampi menteranya.

Perkara yang paling menakutkan sekali ialah semasa anak dayung ataupun pawang lebah sendiri meniti dahan menuju ke sarang lebah. Pada kebiasaannya sarang lebah terletak di hujung dahan. Sebelum meniti dahan, pawang akan membacakan jampi khusus untuk tujuan ini. Selepas selesai menjampi, anak dayung atau pawang meniti

¹⁴ Temubual dengan isteri Encik Yahya bin Long di rumah beliau di Kampung Tanjung Limau Purut pada 11 November 1987.

dahan tersebut dengan mudah. Pada hal dahan tersebut kadangkala kecil sahaja dan tidak mungkin dapat menampung berat badan orang yang menitinya dalam keadaan biasa. Dengan jampi yang disandoikan itu adalah diyakini badan orang yang meniti dahan itu menjadi ringan seperti kapas,* menjadikan dahan tempat mereka berpijak menjadi kuat dan kukuh.

Keberkesanan jampi ini juga dapat dilihat ketika pawang lebah memanggil lebah turun. Adakalanya setelah andang api dipukul ke sarang, lebah tersebut masih juga berdegil dan tidak mahu turun ke bawah. Pawang lebah di bawah terpaksa menyandoikan jampi untuk memujuk lebah supaya turun ke tanah bersama bara-bara api yang berterbangan itu.

Gua si burung gua,
Gua nak naik atas menulang,
Turun seorang turun berdua,
Turun jangan mengulang-ulang.

Sebaik sahaja selesai pawang menyandoikan jampi ini, lebah-lebah akan turun ke bawah mengekori bara-bara api.

Semua perkara di atas membuktikan bahawa jampi mentera yang digunakan sangat berkesan dan dapat membantu melicinkan pekerjaan. Sekiranya jampi mentera tersebut tidak digunakan, kemungkinan besar kerja mengambil madu itu akan tergendala manakala mereka yang terlibat mungkin akan ditimpa kemalangan.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

BUKU

- A. Samad Ahmad. Warisan Perubatan Melayu.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Chen, Paul C.Y., "Perubatan Bumiputera Tradisional di Malaysia,"
dalam Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. (Bahagian III)
Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1967.
- Gimlette, John D. Malay Poisons And Charm Cures.
Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Ioyrish, Naum. Bees And People. Moscow: Mir Publisher, 1977.
- Mohd. Taib Osman. Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- _____. Indigenous, Hindu And Islamic Elements In Malay Folk Beliefs. Michigan: University Microfilm, 1967.
- Skeat, William W. Malay Magic Being An Introduction to The Folklore and Popular Religion of The Malay Peninsula. New York: Dover Publication, 1967.
- Teuku Iskandar. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- W.J.S. Poewadarminta. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka, 1961.

JURNAL

- Amran Kasimin. "Ilham: Satu Aspek Perubatan Melayu Tradisional."
Jurnal Budaya Melayu. Jilid 5. Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982, hlm. 131-157.

Dussek, O.T. "BERSANDUI: Verses Recited By Collectors of Honey In Rembau." Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society. Vol. VI, Pt. IV, 1928, hlm. 56-57.

MAJALAH

Abdul Rahman Ali. "Benarkah Bomoh Mempunyai Status Yang Tinggi Dalam Kepercayaan Melayu." Sarina, (November 1978), hlm. 81-87.

"Madu: Jika Anda Rasakan Sebotol Harganya Terlalu Mahal, Cubalah Ikuti Jejak-jejak Pencari Madu Ini." Lelaki, (Mei 1982), hlm. 60-61.

Zainal Abdullah Mk. Othman. "Bahasa Dalam Jampi dan Sastra Melayu." Dewan Bahasa, (Ogos 1975), hlm. 533-544.

UMUM

Abdul Aziz Desa. "Mencari Madu Lebah Ditengah Belantara." Perspektif Berita Minggu, (15 November 1987).

LAMPIRAN I

MAKLUMAT PERIBADI INFORMAN

1. Nama : Encik Wahab bin Ma'akib
 Umur : 70 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Dukun Patah, Petani
 Alamat : Kampung Tapak
 72200 Batu Kikir
 Negeri Sembilan.

2. Nama : Encik Yahya bin Long
 Umur : 52 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Petani
 Alamat : Batu 15,
 Jalan Seremban
 71500 Pejabat Pos Tanjung Ipoh
 Negeri Sembilan.

3. Nama : Encik Yazid bin Othman
 Umur : 45 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Peniaga
 Alamat : Kampung Chemomoi
 28300 Triang
 Pahang Darulmakmur.